

**SOALAN LAZIM BERKAITAN OPERASI KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA (KPJKS) SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

(bagi kegunaan pemegang lesen / pemegang perakuan pendaftaran KPJKS)

**A. SURAT KKM87/A2/100-2/0 JLD.2 (16)**

**1. Apa yang perlu dilakukan sekiranya saya perlu mengubah waktu operasi klinik kerana wabak COVID-19?**

Pemegang perakuan pendaftaran perlu menghantar notifikasi melalui emel [ckaps@moh.gov.my](mailto:ckaps@moh.gov.my) dengan menyatakan butiran seperti berikut:

- (a) Nama fasiliti;
- (b) Alamat fasiliti;
- (c) Sebab perubahan waktu operasi;
- (d) Butiran perubahan waktu operasi; dan
- (e) Nama dan no telefon (pemegang perakuan / pemegang lesen).

Pemegang perakuan pendaftaran klinik swasta yang berkenaan perlu meletakkan **notis pemberitahuan** di pintu masuk klinik.

**2. Apa yang perlu dilakukan sekiranya saya perlu menutup klinik kerana wabak COVID-19?**

Prosedur seperti di soalan 1 adalah terpakai.

**3. Adakah surat tersebut terpakai kepada pusat hemodialisis dan hospital swasta?**

Tidak. Surat tersebut hanya terpakai bagi klinik perubatan swasta, klinik pergigian swasta, pusat jagaan ambulatori swasta dan rumah bersalin swasta sahaja.

**4. Bolehkah pusat hemodialisis mengubah waktu operasi atau menutup premis?**

Pusat hemodialisis swasta perlu mengikut waktu operasi sedia ada. Sekiranya ada pesakit atau staf disyaki menghidap COVID-19, premis perlu mendapatkan syor daripada pakar nefrologi.

## **B. PROSEDUR SARINGAN COVID-19**

### **5. Fasiliti manakah yang boleh menjalankan ujian saringan COVID-19?**

Sila rujuk garis panduan rasmi KKM terkini di capaian <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-guidelines> berkenaan tatacara saringan dan pengendalian pesakit yang disyaki menghidap COVID-19.

## **C. OPERASI CKAPS**

### **6. Adakah kaunter CKAPS HQ dan CKAPS Negeri dibuka?**

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020, semua urusan kaunter CKAPS ditangguhkan (**kaunter tutup**).

### **7. Adakah lawatan pra-pendaftaran atau pelesenan akan dijalankan?**

Selaras dengan arahan YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020, semua lawatan pra-pendaftaran dan pelesenan ditangguhkan.

### **8. Sekiranya terdapat keperluan mendesak, bagaimana saya boleh menghubungi CKAPS?**

Bagi urusan penting / mendesak, CKAPS HQ (Putrajaya) boleh dihubungi melalui emel [ckaps@moh.gov.my](mailto:ckaps@moh.gov.my).

CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA  
18 MAC 2020